

22 APR 1997

Ramli - Pilihan raya

BN BERSEDIA HADAPI PILIHAN RAYA KECIL TELUK INTAN

IPOH, 22 April (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perak menubuhkan jawatankuasa peringkat negeri dan kawasan sebagai persiapan menghadapi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Intan bulan depan.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini berkata semua parti gabungan BN dilibatkan dalam beberapa jawatankuasa berkenaan yang akan memulakan tugas masing-masing dalam tempoh beberapa hari lagi.

Bilik gerakan pilihan raya BN juga sudah dikenalpasti dan akan beroperasi tidak lama lagi, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa khas bagi menangani gejala sosial di sini, hari ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil kerusi Parlimen itu pada 6 Mei, dan jika berlaku pertandingan, pengundian akan diadakan pada 17 Mei.

Pilihan raya kecil itu diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi berikutan kematian wakil rakyat Ong Tin Kim pada 10 April lepas.

Pada pilihan raya umum tahun lepas, Ong, anggota parti Gerakan memenangi kerusi itu untuk BN dengan kelebihan 13,968 undi mengalahkan calon Pas, Hafith Jaafar dan calon DAP, Proso Watma atau Prosothman a/l Appoo.

Ramli berkata mesyuarat BN negeri, yang dipengerusikannya semalam, menubuhkan jawatankuasa peringkat negeri dan jawatankuasa peringkat Parlimen dengan beliau sendiri sebagai pengarahnya.

"Semua parti dalam BN seperti Umno, MCA, MIC, Gerakan dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) dilibatkan dalam setiap jawatankuasa kecil yang ditubuhkan seperti jawatankuasa penerangan, logistik dan peti undi," katanya.

Beliau berkata BN negeri akan mengadakan mesyuarat susulannya dalam tempoh tiga hari di Teluk Intan untuk mendengar taklimat mengenai persiapan BN.

Mengenai calon BN, Ramli berkata ia akan diputuskan oleh Pengerusi BN pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daftar pemilih 1996 yang disahkan pada 10 April lepas akan digunakan pada pilihan raya itu. Kawasan itu mempunyai 51,936 pemilih berdaftar. --
BERNAMA

LAT NAK